

KENYATAAN MEDIA

PEMANSUHAN KUTIPAN TOL DI PLAZA TOL SG. RASAU, BATU TIGA DAN BUKIT KAYU HITAM, LEBUHRAYA UTARA – SELATAN SERTA LEBUHRAYA PENYURAIAN TIMUR (EDL)

KUALA LUMPUR, 31 Disember 2017 – Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin memaklumkan bahawa, bermula jam 12.00 malam, 1 Januari 2018, Kutipan Tol Di Plaza Tol Sg. Rasau, Batu Tiga dan Bukit Kayu Hitam, Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) serta Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) akan dimansuhkan.

Pemansuhan kutipan tol ini adalah selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018 sebagai bukti keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan kos sara diri dan meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya di Negeri Selangor, Kedah dan Johor.

Dengan pemansuhan kutipan tol di Plaza Tol Sg. Rasau dan Batu Tiga di Selangor, dan Bukit Kayu Hitam, di Kedah, pengguna akan menikmati laluan tanpa tol 20 tahun lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya PLUS. Bagi Lebuhraya EDL pula, pengguna di Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru hanya perlu membayar kutipan tol bagi PLUS untuk jajaran Tambak Johor sahaja.

Pengguna dinasihatkan supaya mematuhi pengurusan kawalan trafik dan papan tanda yang disediakan semasa melalui semua plaza tol terlibat bagi memastikan perjalanan yang lancar dan selamat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
31 DISEMBER 2017

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my